

## **Modal Budaya dan Mobiliti Sosial Pekebun Kecil Getah di Alor Gajah, Melaka**

*Cultural Capital and Social Mobility of Smallholder Rubber Farmers in Alor Gajah Melaka*

Azlina Abdullah\* & Atekah Amdan

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor  
\*e-mel: azlina\_ab@ukm.edu.my

Received: 7 August 2017; Accepted: 6 October 2017; Published: 31 December 2017

### **Abstrak**

Pembangunan sesebuah komuniti dalam masyarakat khususnya dari segi mobiliti sosial adalah dipengaruhi oleh pemilikan modal budaya, sosial dan juga ekonomi. Artikel ini membincangkan tentang modal budaya yang dimiliki pekebun kecil getah RISDA dan tahap mobiliti sosial yang dicapai. Survei dijalankan ke atas 50 orang responden yang terdiri daripada pekebun kecil getah di Alor Gajah, Melaka. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kajian mendapati modal budaya individu, keluarga dan institusi merupakan aset dan dapat dimanfaatkan oleh pekebun kecil getah dalam aktiviti ekonomi mereka. Tahap pemilikan modal budaya pekebun kecil adalah tinggi dengan skor min antara 4.08 hingga 4.44 pada 25 item yang disenaraikan. Dari segi tahap mobiliti sosial yang diukur berasaskan ukuran status sosio-ekonomi pula didapati pekebun kecil getah mengalami mobiliti sosial ke atas atau menegak. Kesimpulannya, sesebuah komuniti dapat menikmati kesejahteraan hidup apabila individu masyarakat percaya bahawa dengan peluang yang ada mereka boleh memperbaiki kualiti hidup mereka bersama anak-anak melalui kebolehan, bakat dan usaha mereka sendiri.

**Kata kunci** mobiliti sosial, modal budaya, sosiologi antropologi, pekebun kecil, Malaysia

### **Abstract**

The community development in society especially in terms of social mobility is influenced by the economic capital, social capital and cultural capital. This article discusses about the cultural capital owned by smallholder rubber farmers and the level of inter-generational social mobility. The survey was conducted on 50 RISDA smallholder rubber farmer in Alor Gajah, Melaka. The sample was selected using purposive sampling method. The research findings shown that cultural capital are assets and can be utilized by smallholder rubber farmers in their economic activities. The level of cultural capital is high with a mean score of 4.08 to 4.44. Whereas the level of social mobility which measured based on socio-economic status, the findings shown that smallholder rubber farmers experienced upward or vertical social mobility. Finally, a community could enjoy the well-being of life when individuals believe that they can and have the equal opportunity to improve their quality of life and the skills, efforts and talents will be enjoyed by their children as well.

**Keywords** social mobility, cultural capital, sociology anthropology, smallholder farmers, Malaysia

### **PENGENALAN**

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang berjaya dalam kalangan negara-negara membangun yang menunjukkan kejayaan dalam pertumbuhan ekonomi dan agihan di samping mengekalkan kestabilan politik dan keamanan hubungan antara etnik. Sejak 60 tahun merdeka, masyarakat yang dahulunya bersifat desa-tradisional telah berubah kepada moden-bandar dengan lebih dua pertiga penduduk mendiami kawasan

bandar. Perubahan masyarakat ini adalah berpunca daripada projek pembangunan dan proses perindustrian yang mula diberi tumpuan pemerintah dalam Rancangan Malaysia Kedua dan diberi perhatian semula pada awal abad ke-20 (Ahmad Fariz, 2014). Sungguh pun demikian, terdapat sebilangan masyarakat yang masih kekal terlibat aktif dalam aktiviti pertanian dan berada di luar bandar. Justeru itu, untuk memastikan setiap rakyat di Malaysia menikmati kehidupan yang sejahtera selari dengan salah satu teras strategik Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat, pelbagai inisiatif dirancang oleh pihak kerajaan agar matlamat tersebut tercapai. Kesejahteraan rakyat tersebut merujuk kepada peningkatan taraf dan kualiti hidup dengan memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal dan psikologi individu. Pemodenan jelas telah membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat termasuklah dunia pekerjaan, dan masyarakat mula memahami kepentingan pekerjaan dengan lain-lain aspek dalam kehidupan mereka (Junaenah, 2014). Berdasarkan teras utama RMK11 peningkatan kesejahteraan rakyat Malaysia adalah tanpa mengira latar belakang sosio-ekonomi dan lokasi yang didiami oleh rakyat. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan terhadap pembangunan kawasan luar bandar adalah bertujuan memastikan pembangunan terus berlaku secara seimbang bagi mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 seterusnya 2050.

Sejak negara mencapai kemerdekaan, pekebun kecil merupakan antara salah satu sektor yang menjadi penyumbang kepada ekonomi negara bagi sektor pertanian mahupun perladangan. Peranan pekebun kecil tidak boleh dinafikan dalam menyumbang kepada hasil pendapatan negara. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau *Rubber Industry Smallholders Development Authority* (RISDA) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah merupakan organisasi yang bertanggungjawab mengendalikan dan membimbing pekebun kecil getah bagi membantu meningkatkan serta memajukan sektor pekebun kecil. Penubuhan RISDA adalah untuk memajukan sektor pekebun kecil dengan melaksanakan penanaman semula getah serta merancang dan melaksanakan inovasi di dalam sektor pekebun kecil sekaligus menjadi agensi peneraju kemajuan pekebun kecil dan membentuk masyarakat pekebun kecil yang progresif dan sejahtera melalui aktiviti perladangan dan aktiviti komersil (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2010). Menurut Siti Aminah et al. (2016) kesejahteraan masyarakat dapat ditingkatkan melalui amalan budaya yang baik dan positif. Malah interaksi antara sosial dan budaya tempatan merupakan unsur utama dalam modal sosial. Minda individu berubah apabila ada keinginan untuk mencapai sesuatu yang diinginkan melalui penglibatan dalam program kemahiran atau pendidikan yang akhirnya dapat membina keyakinan untuk mengubah nasib diri atau keluarga serta masa depan.

Artikel ini membincangkan tentang mobiliti sosial dan pemilikan modal budaya yang merangkumi aspek nilai, kepercayaan dan sikap yang dimiliki oleh pekebun kecil dan pengaruhnya ke atas pencapaian mobiliti sosial pekebun kecil getah dengan menggunakan ukuran status sosio-ekonomi. Definisi pekebun kecil yang ditakrif oleh RISDA adalah merujuk kepada pemilik yang memiliki tanah kurang daripada 40.4686 hektar (100 hektar). Pekebun kecil menurut Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah RISDA (Akta 85 Tahun 1972), ditakrifkan sebagai pemunya atau penduduk sah mana-mana tanah yang jumlah keluasan kurang daripada 40 hektar, wakil sah pemunya atau wakil sah penduduk sah itu atau seseorang yang diisytiharkan secara bertulis oleh menteri sebagai pekebun kecil di bawah seksyen 26. Berdasarkan statistik mengikut kelas pendapatan yang dikeluarkan oleh pihak RISDA pada tahun 2013 menunjukkan bahawa pekebun kecil di Melaka yang memperoleh pendapatan RM 4000 ke atas seramai 536 orang dan jumlah tersebut boleh di anggap tinggi bagi sebuah negeri yang bersektorkan pelancongan (RISDA, 2013). Kajian dijalankan ke atas 50 orang responden yang terdiri daripada pekebun kecil getah di Alor Gajah, Melaka. Pemilihan responden menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Data dikutip menggunakan borang soal selidik dan data dianalisis secara deskriptif dan juga ujian statistik inferensi dilakukan.

## KAJIAN LITERATUR

Mobiliti sosial menerangkan pergerakan atau peluang untuk berlakunya pergerakan antara kumpulan sosial yang berbeza. Mobiliti sosial juga menerangkan tentang kelebihan dan kekurangan yang berlaku dari segi pendapatan, keselamatan pekerjaan, peluang untuk kemajuan dan lain-lain. Kewujudan peluang yang sama menjadi aspirasi untuk manusia berubah, justeru kurangnya mobiliti sosial membayangkan wujudnya ketaksamaan peluang. Malah, kecekapan ekonomi adalah bergantung pada penggunaan terbaik bakat yang dimiliki oleh semua orang. Bordieu (1989) menunjukkan terdapat beberapa faktor penentu dan juga faktor

penghalang yang mempengaruhi mobiliti sosial seseorang iaitu modal ekonomi, modal sosial dan modal budaya (Sullivan, 2002).

Para sarjana menegaskan bahawa pendidikan merupakan kunci kepada mobiliti sosial. Dengan pendidikan mereka yang tidak bernasib baik atau hidup dalam kemiskinan semasa zaman kanak-kanak boleh berjaya. Namun, selain pencapaian pendidikan, faktor-faktor lain seperti kemiskinan zaman kanak-kanak yang mempengaruhi pembangunan psikologi dan tingkahlaku, strategi keluarga yang mampu menyokong anak-anak dari segi kewangan, sosial dan budaya, rangkaian kenalan yang memberi kesan kepada peluang-peluang, sikap dan motivasi, halangan ekonomi seperti diskriminasi dan lain-lain perkara yang menghalang kewujudan peluang seperti menolak persaingan dan risiko juga mempengaruhi mobiliti sosial individu.

Kajian-kajian tentang mobiliti sosial di Malaysia telah dilakukan oleh beberapa sarjana sejak tahun 1964 hingga sekarang. Kajian terawal oleh Wan Hashim (1980) iaitu mengkaji nelayan Melayu di Pulau Pangkor, Noor Aini (2004) mengkaji komuniti generasi kedua Felde, Nor Hayati (2011) mengkaji komuniti nelayan pesisir pantai Kuala Terengganu, Mansor (2015) mengkaji komuniti India di Malaysia dan Novel Lyndon & Nurmahfuzah (2015) mengkaji komuniti Bidayah pekebun kecil kelapa sawit Sarawak.

## **METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes dan dijalankan dalam kalangan 50 orang pekebun kecil getah di Alor Gajah Melaka. Responden dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Proses pengumpulan data adalah menggunakan borang soal selidik yang mengandungi soalan-soalan tertutup dan terbuka serta ditadbir sendiri oleh penyelidik. Data kajian yang berbentuk kuantitatif dianalisis secara deskriptif.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Latar Belakang Responden**

Perbincangan dari segi latar belakang responden iaitu 56 peratus responden adalah pekebun kecil lelaki dan 44 peratus adalah wanita. Majoriti responden 60 peratus dalam kategori umur pertengahan 46 tahun hingga 63 tahun. 86 peratus peratus responden adalah etnik Melayu dan selebihnya etnik Cina dan India.

### **Modal Budaya Individu dan Institusi**

Penemuan kajian yang dilakukan ke atas 50 orang pekebun kecil getah mendapati modal budaya yang dimiliki adalah positif berdasarkan respon yang diberikan kepada kenyataan-kenyataan yang disenaraikan dalam borang soal selidik. Dalam Jadual 1 dan Jadual 2, skor min bagi setiap item adalah melebihi 4.00. Nilai mempengaruhi cara seseorang berfikir, mentafsir persekitaran mereka dan seterusnya membentuk tindakan yang diambil. Nilai positif yang dimiliki mereka adalah rajin, bersemangat, tidak berputus asa, berkeyakinan dan jujur dalam kerja yang dilakukan. Pekebun kecil getah juga sangat positif dengan setiap aktiviti pertanian yang dilakukan berasaskan maklumat yang ada, memahami dan mematuhi setiap proses kerja yang dilakukan demi memastikan pulangan hasil yang tinggi. Malah mereka berani menanggung risiko di atas tindakan dan keputusan yang dibuat serta bersedia mengubah tindakan sekiranya tidak mendatangkan hasil seperti yang mereka harapkan.

Dari segi nilai dan sikap pekebun kecil terhadap institusi RISDA, dapatan kajian juga menunjukkan skor min yang tinggi melebihi 4.00 (Jadual 2). Majoriti pekebun kecil memahami bahawa kerja yang mereka lakukan menyumbang kepada visi RISDA dan mengakui bahawa mereka mempunyai ruang autonomi yang luas dalam menentukan kerja ladang masing-masing. Mereka turut mengakui bahawa pihak RISDA akan memberikan pengiktirafan sekiranya mereka melakukan kerja dengan cekap. Malah pekebun kecil juga perakui bahawa agihan peruntukan daripada institusi adalah berdasarkan kebolehan pekebun kecil dalam menjayakan program yang ditawarkan.

**Jadual 1** Nilai dan sikap – dimensi individu

| Modal Budaya  | Skor Min |
|---|----------|
| i. Setiap tindakan berasaskan maklumat yang dimiliki                    | 4.44     |
| ii. Rajin menjadi asas kejayaan dalam perusahaan getah                  | 4.42     |
| iii. Bersemangat dengan kerja ladang                                    | 4.40     |
| iv. Memahami setiap kerja ladang yang dilakukan                         | 4.40     |
| v. Tidak berputus asa dengan kesulitan hidup                            | 4.40     |
| vi. Memastikan setiap langkah diikuti untuk hasil yang tinggi           | 4.40     |
| vii. Yakin dengan keputusan yang dibuat                                 | 4.38     |
| viii. Sentiasa jujur dalam setiap tindakan kerja ladang                 | 4.38     |
| ix. Berani bertanggungjawab dengan setiap tindakan yang diambil         | 4.38     |
| x. Sentiasa memikirkan kaedah terbaik dalam menyelesaikan masalah kerja | 4.36     |
| xi. Gangguan persekitaran tidak mengubah pendirian                      | 4.34     |
| Bersedia mengubah tindakan jika tidak mendatangkan hasil                | 4.34     |

**Jadual 2** Nilai dan sikap - dimensi institusi

| Modal Budaya  | Skor Min |
|---|----------|
| i. Kerja yang dilakukan menyumbang kepada visi RISDA            | 4.18     |
| ii. Mempunyai ruang autonomi dalam menentukan kerja             | 4.16     |
| iii. Mendapat pengiktirafan kerana melakukan kerja dengan cekap | 4.12     |
| iv. Bersedia membangunkan projek yang diberikan RISDA           | 4.12     |
| v. Kerjasama antara anggota menghasilkan produktiviti tinggi    | 4.12     |
| vi. Agihan peruntukan berdasarkan kebolehan menjayakan program  | 4.08     |

Modal budaya memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang pekebun kecil kerana ia adalah aset sosial yang dapat menyuburkan mobiliti sosial individu dan juga keluarganya. Pemilikan modal budaya yang tinggi atau positif secara tidak langsung mempengaruhi prestasi atau kemampuan pekebun kecil dalam menjalani kehidupan seharian mereka bersama-sama dengan komuniti pekebun kecil yang lain. Elemen-elemen dalam modal budaya yang merangkumi dimensi individu dan keluarga yang termasuk nilai, sikap, cara berfikir, dan budaya material atau budaya bukan material yang dimiliki membolehkan pekebun kecil tidak mudah goyah dengan pendirian mereka dalam aktiviti pertanian getah. Manakala elemen modal budaya institusi terutama dalam bentuk penghargaan dan pengiktirafan mendorong kepada sumbangan ekonomi yang lebih baik kepada pekebun kecil sekaligus secara tidak langsung kepada institusi seterusnya menjamin kelestarian pekebun kecil.

Berdasarkan dapatan kajian, elemen modal budaya yang dimiliki secara tidak langsung mendorong seseorang pekebun kecil untuk berfikiran rasional dalam membuat sesuatu tindakan dalam pekerjaan. Menurut Scott (2015) tindakan manusia adalah rasional dan tindakan tersebut sama ada rasional atau tidak rasional dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang akhirnya mempengaruhi tingkah laku sosial seseorang individu.

### **Mobiliti Sosial Pekebun Kecil Getah**

Kajian mendapati pekebun kecil getah mengalami mobiliti pendidikan inter-generasi ke atas. Jadual 3 menunjukkan 90 peratus bapa responden tiada mobiliti dengan tahap pendidikan dalam kategori tidak bersekolah dan sekolah tahap rendah. Manakala responden pula pada 62 peratus tahap mobiliti rendah iaitu bersekolah pada peringkat sekolah menengah rendah. Data yang diperolehi membuktikan anak-anak responden didapati telah atau sedang mendaki tangga mobiliti sosial dari segi pendidikan pada tahap mobiliti sederhana, 32 peratus dan mobiliti tinggi, 36 peratus. Kesimpulannya, mobiliti inter-generasi yang berlaku dari segi tahap pendidikan untuk tiga generasi menunjukkan pergerakan menegak daripada tiada mobiliti pada generasi bapa responden berubah kepada mobiliti tinggi pada generasi anak-anak responden.

**Jadual 3** Mobiliti pendidikan inter-generasi

| Tahap Pendidikan  | Bapa Responden | Responden | Anak-anak Responden |
|---|----------------|-----------|---------------------|
| Tidak Bersekolah/<br>Sekolah Rendah /Kelas Dewasa/Pengajian<br>Pondok ( <b>Tiada Mobiliti</b> ) | 90.0           | 62.0      | 18.0                |
| Sekolah Menengah Rendah (SRP/PMR)<br>( <b>Mobiliti Rendah</b> )                                 | 8.0            | 28.0      | 14.0                |
| Kolej/Politeknik/Sijil/ Diploma<br>( <b>Mobiliti Sederhana</b> )                                | 2.0            | 4.0       | 32.0                |
| Universiti(Ijazah/Sarjana/<br>PHD) ( <b>Mobiliti Tinggi</b> )                                   | 0.0            | 6.0       | 36.0                |

**Jadual 4** Min mobiliti tahap kepuasan dan kecukupan responden terhadap pekerjaan, pendapatan, jumlah simpanan dan pemilikan aset

| Item                     | 10 tahun dahulu | Sekarang (2016) |
|--------------------------|-----------------|-----------------|
| Kepuasan pekerjaan       | 2.66            | 3.06            |
| Kepuasan pendapatan      | 2.66            | 3.06            |
| Kecukupan pendapatan     | 2.70            | 3.04            |
| Kepuasan jumlah simpanan | 2.66            | 3.02            |
| Kepuasan pemilikan aset  | 2.62            | 3.06            |

Responden menunjukkan respon yang positif terhadap tahap kepuasan mereka kepada pekerjaan, pendapatan, jumlah simpanan dan pemilikan aset serta kecukupan pendapatan yang mereka miliki sekarang berbanding 10 tahun yang lalu. Jadual 4 di atas menunjukkan perbandingan skor min mobiliti tahap kepuasan responden untuk 10 tahun dahulu dengan min tahap kepuasan responden untuk masa sekarang (bagi tahun 2016). Bagi 10 tahun dahulu tahap kepuasan pekebun kecil berada pada tahap sederhana dengan skor min 2.62 hingga 2.70. Manakala tahap kepuasan dan kecukupan pekebun kecil pada masa sekarang didapati meningkat dengan skor min 3.02 hingga 3.06. Keadaan ini menunjukkan berlakunya perubahan yang positif dalam tahap kepuasan responden dalam jangka masa 10 tahun.

## KESIMPULAN

Daripada hasil kajian yang dijalankan ke atas pekebun kecil getah RISDA di Alor Gajah Melaka menunjukkan pencapaian mobiliti inter-generasi ke atas berlaku dalam kalangan keluarga pekebun kecil dengan pendidikan menjadi agen utama dalam mendaki tangga mobiliti sosial. Selain itu, walaupun keadaan ekonomi dunia khususnya Malaysia yang kurang stabil masa kini, pekebun kecil getah didapati menunjukkan tahap kepuasan yang baik terhadap pekerjaan, pendapatan, simpanan dan juga aset yang mereka miliki berbanding 10 dahulu. Persepsi yang positif terhadap kehidupan dan aktiviti pertanian ini adalah sangat berkait rapat dengan modal budaya individu dan juga institusi yang mereka miliki. Nilai dan sikap yang positif tentang kehidupan dan pekerjaan yang dilakukan berserta sokongan padu daripada pihak institusi RISDA memberi dorongan dan semangat kepada pekebun kecil.

Di Malaysia, kesan daripada perancangan dan pelaksanaan pembangunan yang rancak menerusi perindustrian berorientasikan eksport dan campur tangan negara yang kuat telah membawa transformasi besar-besaran dalam sosio-ekonomi golongan berpendapatan rendah. Peluang pekerjaan yang besar dicipta untuk golongan tidak mahir dan separuh mahir. Kerajaan Malaysia juga berjaya mewujudkan persekitaran mobiliti sosial yang besar menerusi sistem pendidikan yang baik dan telah membolehkan kanak-kanak membina kehidupan yang lebih baik daripada ibu bapa mereka. Dengan pendidikan mereka yang tidak bernasib baik atau hidup dalam kemiskinan semasa zaman kanak-kanak boleh berjaya. Melalui kerja keras dan ketabahan berserta diberi peluang, maka mereka mampu mengubah status sosio-ekonomi mereka.

## RUJUKAN

- Ahmad Fariz Mohamed. (2014). Industrial development in Malaysia transition for sustainability. *Geografi*, 2(3), 24-36. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=4585dc18-183e-484e-8fac-5c6887023ed6.pdf>
- Bourdieu, P. (1989). The forms of capital. In Richardson J. (ed). *Handbook of theory and research for the sociology education*. New York: Greenwood Publishing Group.
- Daerah Serian, Sarawak. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, 11(6), 36 – 46.
- Jabatan Peguam Negara. (1972). Undang-Undang Malaysia: Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972. (Akta 85).
- Jabatan Perdana Menteri. (2016). *Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020*. Jabatan Perdana Menteri: Putrajaya. Diperoleh daripada [www.epu.gov.my](http://www.epu.gov.my).
- Junaenah Sulehan. (2014). Work - Life balance: Issues from women's perspectives. *Geografi*, 2(3), 58-69. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=a92095b8-dce1-44ba-bdf7-bfe3ac3a9b7d.pdf>
- Mansor, I. (2015). Prosedur peminjaman dan elemen sosiobudaya dalam terjemahan rihlat Ibn Battutah. *Kajian Malaysia*, 33(2), 61-81.
- Nor Aini Idris. (2004). Mobiliti sosial di kalangan generasi kedua FELDA. *Akademika*, 1, 83-95.
- Novel Lyndon & Nurmahfuzah Razak. (2015). Keperkasian pekebun kecil kelapa sawit Bidayuh: Kajian kes di RISDA. (2013). *Portal rasmi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*. Diperoleh daripada [www.risda.gov.my](http://www.risda.gov.my).
- Scott, J. (2015). *Understanding contemporary society: Theories of the present*. Diperoleh daripada <https://www.soc.iastate.edu>
- Siti Aminah Mohamad, Kadaruddin Ayub, Azahan Awang. (2016). Rural transformation and changes in societal life: A case study of Kelantan and Negeri Sembilan. *Geografi*, 4(2), 83-91. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=f9eef386-b921-448d-a2f8-eb70fee703db.pdf>
- Sullivan, A. (2002). Bourdieu and education: How useful is Bourdieu's theory for researchers? *The Netherland' Journal of Social Sciences*. 38(2), 144-166.
- Wan Hashim. (2008). Komuniti nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek ekonomi dan sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran.